

PENERIMAAN WANG BERSUMBERKAN AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AKAUN SIMPANAN DAN AKAUN PELABURAN : PERSPEKTIF SYARIAH DAN INDUSTRI¹

Muhd Ramadhan Fitri Ellias*, Muhamad Nasir Haron & Ahmad Firdaus Kadir**

1.0 PENGENALAN

Dalam industri perbankan Islam, penerimaan dan pengurusan deposit adalah merupakan salah satu aktiviti utama bagi sesebuah institusi kewangan Islam (IKI). Ini adalah penting bagi menjamin kelancaran aktiviti sesebuah IKI tersebut. Sekiranya nilai deposit yang diterima oleh institusi berkenaan tidak mengalakkan, maka secara tidak langsung ia turut menjejaskan peluang untuk aktiviti perniagaannya.

Berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, penerimaan deposit oleh IKI diperolehi melalui dua produk utama iaitu akaun deposit (deposit account) dan akaun pelaburan (investment account). Kebiasaannya, pihak IKI akan menerima dana deposit daripada dua kategori iaitu perseorangan dan syarikat atau entiti perniagaan.

Melihat kepada amalan IKI semasa dalam menerima deposit, kebiasaannya IKI menerima dana deposit tersebut tanpa melihat sama ada ia datang daripada sumber yang haram atau halal. Namun, terdapat sesetengah IKI yang melakukan saringan terlebih dahulu sebelum menerima sumber dana deposit bagi tujuan mengelakkan isu kerosakan reputasi sesebuah institusi tersebut sekiranya menerima deposit yang tidak patuh Syariah.

Sehubungan itu, jika dilihat kepada praktis semasa industri perbankan Islam dalam menerima deposit, telah timbul satu isu yang berbangkit berkenaan aktiviti ini di mana sejauhmana keharusan IKI menerima deposit atau dana pelaburan yang diketahui datang daripada sumber yang tidak patuh Syariah.

Justeru, kertas ini bertujuan membincangkan beberapa isu berkaitan dengan penerimaan dana deposit seperti senario penerimaan wang bersumberkan aktiviti tidak patuh Syariah serta hukum bertransaksi dengan sumber yang haram dan yang bercampur antara halal dan haram. Diharap hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai garis panduan untuk IKI dalam penerimaan dana deposit dari sumber tidak patuh Syariah.

¹ Kertas ini disediakan untuk Muzakarah Syariah Cendekiawan Syariah Nusantara ke 8, bertempat di Hotel Thistle, Johor Bharu, bertarikh pada 28 dan 29 Mei 2014.


* Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Bahagian Pengurusan Syariah di Maybank Islamic Berhad.

** Penyelidik Syariah di Bahagian Pengurusan Syariah, Maybank Islamic Berhad.

2.0 FUNGSI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM SEBAGAI PERANTARA KEWANGAN (FINANCIAL INTERMEDIARY)

Fungsi utama IKI adalah mengurus deposit dan menyediakan kemudahan pembiayaan kewangan serta melaksanakan aktiviti pelaburan. Dalam sesebuah IKI, Asset Liability Committee (ALCO) ialah jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi memantau dan memastikan wujudnya keseimbangan antara penerimaan deposit dan aktiviti pembiayaan serta pelaburan. Ketidakeimbangan (mismatch) antara kedua-dua aktiviti ini akan menjejaskan kecekapan sesebuah IKI. Bagi gambaran lanjut bagaimana sesebuah IKI memainkan peranan sebagai perantara kewangan seperti rajah 1 dibawah:

Rajah1



3.0 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (APKI 2013)

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah menetapkan beberapa definisi tertentu kepada perniagaan perbankan Islam, deposit Islam serta akaun pelaburan Islam yang perlu memenuhi kelayakan tertentu bagi memenuhi kehendak Syariah. Ini dapat dilihat dalam klausa APKI seperti yang disediakan di bawah;

Akta-akta berkaitan dengan deposit Islam;

1) “Perniagaan Perbankan Islam” ertinya perniagaan;²

(a) menyetujui terima deposit Islam atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau akaun lain yang serupa, dengan atau tanpa perniagaan membayar atau memungut cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan; atau

² Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), Bahagian I Permulaan, Seksyen 2, hlm 23

- (b) menyetujui terima wang di bawah suatu akaun pelaburan; dan
- (c) penyediaan pembiayaan; dan
- (d) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 3;

2) “Deposit Islam”³ ertinya sejumlah wang yang disetujui terima atau dibayar mengikut Syariah-

(a) atas terma yang di bawahnya ia akan dibayar balik sepenuhnya, dengan atau tanpa perolehan, pulangan atau apa-apa balasan berupa wang atau nilai wang lain, sama ada dituntut atau pada masa atau dalam hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat bayaran itu dan orang yang menyetujui terimanya; atau

(b) di bawah suatu perkiraan, atas terma yang hasil di bawah perkiraan itu akan dibayar kepada orang yang membayar jumlah wang itu tidak kurang daripada jumlah wang sedemikian, tetapi tidak termasuk wang yang dibayar secara bona fide—

(i) sebagai pendahuluan atau pembayaran sebahagian di bawah suatu kontrak jualan, sewaan atau penyediaan harta atau perkhidmatan lain, dan hanya boleh dibayar balik sekiranya harta atau perkhidmatan itu tidak sebenarnya dijual, disewa atau disediakan selainnya;

(ii) sebagai jaminan bagi pelaksanaan suatu kontrak atau sebagai jaminan berkenaan dengan apa-apa kerugian yang boleh disebabkan oleh ketidaklaksanaan suatu kontrak;

(iii) tanpa mengehadkan perenggan (ii), sebagai jaminan bagi penghantarserahan atau pemulangan apa-apa harta, sama ada dalam keadaan baik tertentu atau selainnya; dan

(iv) dalam apa-apa hal keadaan lain, atau kepada atau oleh mana-mana orang lain, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2;

3) “Akaun Pelaburan”,⁴ ertinya suatu akaun yang mana wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi penyediaan pembiayaan, mengikut Syariah atas terma bahawa tiada obligasi nyata atau tersirat untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan

(a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang hendaklah dikongsi antara orang yang membayar wang itu dan orang yang menerima wang itu; atau

(b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan;

³ *Ibid.*, hlm 16

⁴ *Ibid.*, hlm 14

4.0 KONSEP SYARIAH DALAM PRODUK-PRODUK DEPOSIT

NO.	PRODUK	KONSEP SYARIAH
1.	Akaun Deposit	i. Wadiah Yad Dhamanah ii. Qardh iii. Murabahah
2.	Akaun Pelaburan	i. Wakalah ii. Mudarabah iii. Musyarakah

5.0 SENARIO YANG BERKAITAN DENGAN AMALAN INDUSTRI TERHADAP PENERIMAAN DAN PEMINDAHAN DANA DEPOSIT BERSUMBERKAN AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AKAUN SIMPANAN DAN AKAUN PELABURAN.

A) Senario yang berkaitan dengan Penerimaan Deposit di Cawangan Perbankan Islam dan Konvensional

Kaedah Pindahan	Senario Pindahan	Nota
1. Pemindahan secara Over-the-Counter (OTC)	Mengkreditkan wang /cek ke dalam akaun perbankan Islam.	- Termasuk dana daripada sumber yang tidak halal. - Bagi pembukaan akaun baru, proses (Know Your Customer) KYC akan dilakukan.
2. Pemindahan secara elektronik/atas talian - Mesin deposit tunai (cash deposit machine) - Atas talian (online banking)	- Untuk pindahan atas talian, sama ada melalui pindahan daripada akaun bank tersebut atau pindahan daripada bank lain. - Deposit melalui mesin deposit boleh dilakukan secara tunai atau cek.	- Kaedah pemindahan dana (fund transfer) utama masakini - Sukar mengenalpasti sumber dana.

Contoh Pemindahan Dana Daripada Sumber Haram Kepada Akaun Deposit/Pelaburan Yang Patuh Syariah;

1. Pindahan daripada akaun deposit tetap konvensional (conventional FD) ke akaun patuh Syariah;
2. Pindahan daripada akaun operasi syarikat yang melaksanakan perniagaan yang haram daripada sudut Syariah kepada akaun patuh Syariah
3. Cek yang secara jelas menunjukkan bahawa dana adalah daripada sumber yang haram. Contohnya cek berpaling yang menunjukkan bahawa nilai yang tertera pada cek tersebut adalah hadiah daripada judi.
4. Pihak pendeposit mengisytiharkan bahawa dana yang akan dilaburkan adalah berasal daripada sumber yang haram. Walaubagaimanapun, kes ini jarang berlaku.

6.0 RESOLUSI-RESOLUSI SEMASA YANG BERKAITAN DENGAN HUKUM BERMUAMALAT DENGAN SUMBER YANG TIDAK PATUH SYARIAH

Sebelum kertas ini membincangkan dengan lebih lanjut mengenai topik perbincangan, berdasarkan pemerhatian pengkaji yang terhad tidak ada resolusi Syariah yang spesifik yang membincangkan tentang hukum menerima deposit daripada dana yang jelas keharamannya. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa resolusi dan fatwa umum yang membincangkan berkenaan hukum bermuamalat dengan sumber yang tidak patuh Syariah.

a) Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM)

MPS BNM dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam boleh menerima permohonan untuk membuka akaun deposit atau akaun pelaburan daripada pelanggan (individu atau syarikat korporat) tanpa perlu menyelidiki sama ada sumber dana pelanggan adalah halal, haram atau bercampur antara halal dengan yang haram.

MPS BNM pada mesyuarat ke-58 bertarikh 27 April 2006 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam dibenarkan menerima permohonan untuk membuka akaun deposit atau akaun pelaburan daripada pelanggan tanpa perlu menyelidiki sama ada sumber dana pelanggan adalah halal, haram atau bercampur antara halal dengan yang haram. Walau bagaimanapun, tiada halangan bagi institusi kewangan Islam untuk mewujudkan saringan dalaman bagi memastikan sumber dana yang diterimanya adalah berlandaskan Syariah.⁵

b) Majlis Penasihat Syariah Kuwait Finance House (MPS KFH)

MPS KFH menyatakan tentang keharusan bermusyarakah dengan bank konvensional dalam urusan yang dibenarkan syarak. Antara dalil yang disandarkan ialah Rasulullah SAW sendiri pernah bermuamalat dengan Yahudi. Ianya termasuk dalam aktiviti yang berkaitan dengan riba,

⁵ *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam edisi kedua*, Bank Negara Malaysia, 2010, hlm 197

tetapi segala transaksi yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat adalah muamalat yang syar'ie dan jauh daripada riba serta jual beli yang dilarang.⁶

c) Majlis Penasihat Syariah Accounting and Auditing Organisation of Islamic Financial Institutions (MPS AAOIFI)

MPS AAOIFI dalam Syariah Standards 2010 terbitan (AAOIFI), no. 6, perkara 4 (b) selepas menyatakan keharusan bermuamalat dengan bank pusat yang konvensional, maka harus juga bermuamalat dengan bank konvensional yang lain sambil menegaskan syarat bahawa muamalat itu mestilah dalam transaksi yang halal:

تصحيح التعامل مع البنوك التقليدية على أساس عدم التعامل بالربا واستخدام الصيغ المقبولة شرعا

“Mesti dipastikan bermuamalat dengan bank konvensional di atas tidak bermuamalat dengan riba dan mestilah menggunakan perkataan-perkataan (kontrak) yang diterima oleh syariat.”⁷

ii. Standards AAOIFI no. 12, perkara 3/1/1/2 menyatakan keharusan dalam melakukan kontrak musyarakah dengan bank konvensional.

“Dibenarkan kepada institusi kewangan Islam dalam melibatkan kontrak musyarakah bersama non-Muslim atau bank konvensional untuk menguruskan dana yang mengikut kehendak Syariah selagimana tidak dapat dibuktikan dana dan aset yang digunakan untuk musyarakah daripada sumber tidak patuh Syariah. Dalam bermusyarakah bersama orang bukan Muslim atau bank konvensional, ia adalah kemestian untuk mendapatkan jaminan bahawa segala kaedah dan prinsip Syariah yang digunakan dipatuhi semasa menguruskan musyarakah. Antara jaminan yang diperlukan dalam pengurusan musyarakah adalah diuruskan atau dikawalselia oleh satu entiti yang mematuhi kehendak Syariah.”⁸

iii. Standards AAOIFI no. 12, perkara 3/1/1/3

“Dibenarkan bagi institusi Islam untuk melibatkan bank konvensional sebagai rakan kongsi dalam syndicated financing yang beroperasi mengikut garis panduan Syariah. Dengan syarat institusi berkenaan memberi jaminan terhadap pengurusan musyarakah dan beroperasi di bawah pengawasan Syariah.”⁹

iv. Standards AAOIFI no. 24, perkara 5/5/2 berkaitan penyertaan institusi-institusi kewangan Islam dengan bank konvensional dalam syndicated financing seperti berikut:

⁶ *Al-Fatawa al-Syar'iyah fi al-Masa'il al-Iqtisadiyyah*, Kuwait Finance House, 1979, bab musyarakah, fatwa no. 331, j.1, hlm 322

⁷ AAOIFI, *Al-Ma'ayir al-Syar'iyah 2010*, No. (6) Penukaran Bank Konvensional ke Bank Islam, hlm 65.

⁸ AAOIFI, *Shariah Standards 2010*, No. (12) Sharika (Musharaka) and Modern Corporations, hlm 204.

⁹ *Ibid.*

“Tiada sekatan dalam Syariah berkaitan dengan penyertaan bank-bank konvensional dan institusi kewangan Islam dalam syndicated financing. Ia selagi mana langganan dan penggunaan dana diuruskan secara patuh Syariah.”¹⁰

d) Dallah Barakah

Tiada halangan dari sudut Syariah mengenai penyertaan bank konvensional dengan bank Islam dalam pembiayaan perbankan secara ‘syndicated’, selagi mana operasinya mengikut garis panduan Syarak dan bank konvensional tidak menguruskan keseluruhan operasi secara persendirian atau membuat keputusan dalam isu-isu yang berkaitan dengan Syariah.¹¹

Resolusi Nadwah al-Barakah (29/6) tentang isu bermusyarakah dengan rakan kongsi yang mengamalkan riba;

Penyertaan Kumpulan Al-Barakah dalam kontrak musyarakah dengan rakan kongsi yang mengamalkan riba yang bertujuan untuk membeli hartanah bersama dalam keadaan setiap rakan kongsi berhak untuk menggunakan hak masing-masing dengan bebas; maka adalah dibenarkan selagimana bahagian Kumpulan Al-Barakah tidak bercampur dengan riba.

7.0 PANDANGAN ULAMA TENTANG HUKUM MENERIMA DANA DARIPADA SUMBER TIDAK PATUH SYARIAH

Para ulama berbeza pendapat dalam isu keharusan menerima dana daripada sumber tidak patuh Syariah;

Pendapat pertama: pandangan yang tidak membenarkan bermuamalat dengan harta yang terhasil daripada sumber haram. Ini adalah pandangan majoriti para fuqaha’. Antaranya termasuklah Ibn Nujaim¹², Abu Zaid Al-Qairawani¹³, Al Syirazi¹⁴ dan Al-Mardawi¹⁵.

Pendapat kedua: pandangan yang membenarkan bermuamalat dengan harta yang terhasil daripada sumber haram. Pandangan ini selari dengan salah satu riwayat daripada Ibn Sirin¹⁶ yang seperti yang dinyatakan oleh Imam Ibn Rajab Al-Hanbali dan pandangan daripada Ibn Taimiyyah yang mengharuskan penerimaan harta haram yang diperoleh sebelum seseorang itu bertaubat.¹⁷

¹⁰ *Ibid.*, No. (24) Syndicated Financing, hlm 431

¹¹ Majmu’ah Dallah Barakah, *Qararat wa Tawsiyyat Nadawat al-Barakah li Iqtisod al-Islami*, 2010, Persidangan kali ke-9, resolusi no. 9/1/ii, hlm 67.

¹² Al-Suyuthi, *Al-Asybah Wa an-Naza’ir fi Qawaid wa Furu’ Fiqh as-Syafi’iyyah*, Maktabah Nazzar Al-Baz, 1997, hlm .

¹³ Ibn Abi Zaid Al-Qairawani, *Al-Jamie fi As-Sunan Wa al-Adab wa al-Maghazi wal Tarikh*, Mu’assasah al-Risalah, 1983, hlm

¹⁴ As-Syirazi, *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafii*, Dar al-Qalam, 1996, j.3, hlm 47.

¹⁵ Al-Mardawi, *Al-Insaf*, Bait al-Afkar ad-Dauliyah, hlm

¹⁶ Ibn Rajab al Hanbali, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm 201-202

¹⁷ Ibnu Taimiyyah (1417H), *Tafsir Ayat Ushkilat ‘ala Kathirin Min al-Ulama*, Pustaka Ar-Rusyd, hlm 596

7.1 DALIL-DALIL BAGI PANDANGAN YANG TIDAK MEMBENARKAN HUKUM BERMUAMALAT DENGAN SUMBER TIDAK PATUH SYARIAH

Antara dalil yang menjadi hujah bagi pengharaman muamalah berkenaan adalah seperti berikut;

1) Al-Quran

Firman Allah yang mengharamkan segala bentuk pertolongan dalam urusan dosa dan persengketaan:

وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ.

*Maksudnya: Janganlah kamu bertolongan dalam urusan dosa dan persengketaan.*¹⁸

Berdasarkan ayat di atas, sebarang jenis muamalat dengan harta haram adalah diharamkan kerana ia termasuk dalam larangan membantudalam dosa dan persengketaan. Jikadilihat dalam konteks perbankan Islam, sekiranya penerimaan harta haram secara deposit dibenarkan ianya seolah-olah membantu perkembangan harta haram dari segi merencanakan perniagaan mereka.

2) Hadis

a) Hadis yang menunjukkan perbuatan Saidina Abu Bakar memuntahkan semula makanan pemberian orang gajinya hasil dari upah sebagai tukang ramal. Ini merupakan dalil pengharaman bermuamalat dengan harta yang berasal daripada sumber yang haram.

وعن عائشة رضي الله عنها قالت: كان أبي بكر الصديق رضي الله عنه غلام يخرج له الخراج وكان أبو بكر يأكل من خراجهِ، فجاء يوماً بشيء فأكل منه أبو بكر فقال له الغلام: تدري ما هذا؟ فقال أبو بكر وما هو؟ قال: كنت تكهنت لإنسان في الجاهلية وما أحسن الكهانة إلا أنني خدعته فلقيني فأعطاني بذلك هذا الذي أكلت منه فأدخل أبو بكر يده فقاء كل شيء في بطنه

Maksudnya: “Adakah engkau mengetahui dari mana makanan ini? Abu Bakar bertanya: Dari mana? ; Aku dahulu meramal nasib ketika zaman Jahiliyyah, aku tidak mahir sebenarnya namun aku menipu pelangganku dan dia memberiku makanan ini. Abu Bakar lantas memasukkan tangannya kedalam mulut dan memuntahkan segala yang memasuki perutnya.”¹⁹

b) Hadis daripada Abu Abdullah al-Nu'man bin Basyir r.a., bahawasanya beliau telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

¹⁸ Surah Al-Maidah, Ayat 2

¹⁹ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bait al-Afkar al-Dauliyah, 1998, bab 26, no. 3842, hlm 729

عن النعمان بن بشير رضي الله عنهما قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: (إن الحلال بين وإن الحرام بين وبينهما أمور مشبهات لا يعلمهن كثير من الناس فمن اتقى الشبهات فقد استبرأ لدينه وعرضه ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام كالراعي يرعى حول الحمى يوشك أن يرتع فيه ألا وإن لكل ملك حمى ألا وإن حمى الله محارمه ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح الجسد كله وإذا فسدت فسد الجسد كله ألا وهي القلب)

“Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu juga jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara samar (syubhat) yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Sesiapa yang menjaga (menjauhi) perkara syubhah (kesamaran), maka ia telah menyelamatkan agama dan maruahnya. Dan sesiapa yang terjatuh di dalam (melakukan) perkara syubhah, sama seperti ia terjatuh di dalam (melakukan) perkara yang haram, umpama seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.”²⁰

c) Hadis yang menyatakan bahawa Allah tidak akan menerima sedekah yang diberikan dari hasil harta rampasan.

عن ابن عمر رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: " لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طَهْوَرٍ وَلَا صَدَقَةٌ مِنْ غُلُولٍ

Maksudnya: Daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah bersabda: Tidak diterima solat tanpa Toharah (menyucikan diri) dan tidak diterima sedekah dari harta Ghulul.²¹⁾

Para ulama’ mendefinisikan Ghulul sebagai harta rampasan perang yang diambil sebelum pembahagian dibuat tanpa keizinan daripada Khalifah. Maka hadis ini menunjukkan tegahan dalam berta’amul dengan harta daripada sumber yang haram.

d) Hadis Abi Mas’ud Al-Ansari yang menunjukkan Rasulullah SAW melarang daripada sebarang pengambilan upah yang terhasil dari aktiviti tidak patuh Syariah.

²⁰ Bulughul Maram wal Hukum, hlm 193; hadis sahih riwayat Bukhari no. 52 dan no. 2051, riwayat Muslim no. 1599

²¹ Muslim, Sahih Muslim, Dar al Fikr, 2003, bab 2, no. 224, hlm 134

حدثنا يحيى بن يحيى قال قرأت على مالك عن ابن شهاب عن أبي بكر بن عبد الرحمن عن أبي مسعود الأنصاري أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن ثمن الكلب ومهر البغي وحلوان الكاهن

*Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abi Mas`ud Al-Ansari bahawa Rasulullah SAW melarang daripada sebarang pengambilan hasil daripada harga jualan anjing, upah pelacuran dan upah tilik nasib.*²²

e) Hadis

أخبرنا عاصم بن كليب عن أبيه عن رجل من الأنصار قال خرجنا مع رسول الله صلى الله عليه وسلم في جنازة فرأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو على القبر يوصي الحافر أوسع من قبل رجله أوسع من قبل رأسه فلما رجع استقبله داعي امرأة فجاء وجيء بالطعام فوضع يده ثم وضع القوم فأكلوا فنظر آباءنا رسول الله صلى الله عليه وسلم يلوك لقمة في فمه ثم قال أجد لحم شاة أخذت بغير إذن أهلها فأرسلت المرأة قالت يا رسول الله إني أرسلت إلى البقيع يشتري لي شاة فلم أجد فأرسلت إلى جار لي قد اشترى شاة أن أرسل إلي بها بثمانها فلم يوجد فأرسلت إلى امرأته فأرسلت إلي بها فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم أطعميه الأسارى

*Maksudnya: Kami keluar bersama Rasulullah SAW dalam satu majlis pengebumian mayat. Dan saya telah melihat bahawa Rasulullah menyuruh kepada penggali kubur meluaskan bahagian kaki dan kepala mayat. Kemudian baginda beredar dan telah datang seorang perempuan membawa makanan dan setelah baginda menyentuh makanan semua orang pun mula menjamu selera. Ketika itu bapa-bapa kami melihat mulut Rasulullah berhenti mengunyah dan berkata “Aku dapati daging kambing ini diambil tanpa izin tuannya”. Wanita itu dipanggil dan berkata: “Aku dihantar ke Baqie’ untuk mengambil seekor kambing yang dibeli untukku. Aku tidak mendapatinya maka aku pergi menjumpai jiranku yang telah memiliki seekor kambing supaya aku membelinya namun beliau tiada. Maka isterinya menjual kambing itu dengan harganya (tanpa izin suaminya). Kemudian Rasulullah memerintahkan “Berilah makan kepada para tawanan (orang kafir)”.*²³

²² *Ibid*, no. 1567

²³ Abu Daud, *Sunan Abu Dawud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 1999, bab 22, no. 3332, hlm 374.

7.2 DALIL-DALIL BAGI PANDANGAN YANG MEMBENARKAN HUKUM BERMUAMALAT DENGAN SUMBER TIDAK PATUH SYARIAH

Antara dalil yang menjadi hujah bagi pengharusan bermuamalat dengan sumber haram;

1) Al- Quran

﴿لَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ﴾

*Maksudnya: seseorang tidak akan menanggung dosa orang yang lain.*²⁴

Berdasarkan dalil di atas, seseorang tidak akan menanggung dosa seseorang yang lain. Dalam konteks bermuamalat dengan harta haram, dosa si pelaku perbuatan haram adalah ditanggung olehnya sahaja dan tidak ditanggung oleh pihak lain yang bermuamalat dengannya.

2) Hadis

a) Hadis riwayat Ibn Umar menyatakan tentang pengharusan pemberian tanah kepada Yahudi Khaibar bagi tujuan pertanian secara *muzara'ah*.

حدثنا موسى بن إسماعيل: حدثنا جويرية بن أسماء، عن نافع، عن عبد الله رضي الله عنه قال: أعطى

رسول الله صلى الله عليه وسلم خيبر اليهود أن يعملوها ويزرعوها ولهم شطر ما يخرج منها

*Abdullah bin Umar r.a., meriwayatkan: "Rasulullah SAW membenarkan orang-orang Yahudi menetap di tanah Khaibar dengan syarat mereka akan mengusahakan tanah tersebut dan mengambil upah separuh daripada hasil tanaman yang dikerjakan."*²⁵

Namun, terdapat beberapa ulama` seperti al-Thauri, al-Laith, Ahmad dan Ishak tidak membenarkan perkongsian dengan orang bukan Islam. Manakala, Imam Malik berpendapat bahawa *musyarakah* dengan dzimmi dan musyrikin adalah dibenarkan sekiranya urusan tersebut dikendalikan oleh orang Islam. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya percampuran harta orang Islam dengan sumber yang haram seperti riba, nilai arak dan khinzir.

Justeru, jumhur ulama' berhujah dengan peristiwa di mana Nabi bermuamalat dengan Yahudi Khaibar. Sekiranya dibenarkan bermuamalat dengan Yahudi Khaibar dalam kontrak *muzara'ah*, maka ia juga dibenarkan dalam aktiviti-aktiviti muamalat yang lain. Ia juga boleh dilihat dalam pensyariatan mengambil jizyah dari harta orang bukan Islam, sedangkan pada harta mereka semestinya terdapat unsur-unsur haram.²⁶

²⁴ Surah Al-Zumar, Ayat 7

²⁵ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bait al-Afkar al-Dauliyah, 1998, bab 11, no. 2499, hlm 473.

²⁶ Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Shirkah, Dar al-Ma`rifah, 1959, j.5, no. 48, hlm 160.

b) Nabi Muhammad SAW pernah berurusan dengan orang bukan Islam semasa hayatnya. Contohnya, Nabi SAW bermuamalat dengan seorang Yahudi di mana Rasulullah SAW menjalankan urusan jual beli yang dibayar secara tangguh dan menjadikan perisai baginda sebagai sekuriti bagi urusan niaga tersebut. Perkara ini sebagaimana yang diriwayatkan dalam sebuah hadis;

عن عائشة رضي الله عنها توفي رسول الله صلى الله عليه وسلم ودرعه مرهونة عند يهودي ، بثلاثين صاعا
من شعير

*“Daripada Aisyah bahawa (ketika) Rasulullah SAW wafat, perisai baginda Rasulullah SAW masih menjadi gadaian pada seorang Yahudi kerana (hutang Rasulullah SAW sebanyak) 30 so` (sejenis timbangan) gandum daripadanya”.*²⁷

Daripada hadis ini, dapat dilihat bahawa Rasulullah SAW bermuamalat jual beli dengan orang Yahudi yang mana terkenal dengan amalan ribanya pada zaman tersebut. Ini menunjukkan keharusan dalam bermuamalat dengan orang bukan Islam walaupun diketahui ia berasal dari sumber yang tidak patuh Syariah.

c) Hadis Rasulullah SAW berjual-beli dengan orang Musyrikin.

حدثنا أبو النعمان حدثنا معتمر بن سليمان عن أبيه عن أبي عثمان عن عبد الرحمن بن أبي بكر رضي الله
عنهما قال كنا مع النبي صلى الله عليه وسلم ثم جاء رجل مشرك مشعان طويل بغنم يسوقها فقال النبي
صلى الله عليه وسلم يبع أم عطية أو قال أم هبة قال لا بل يبع فاشترى منه شاة

*Dari Abdurrahman bin Abi Bakr (RA), beliau berkata, “Ketika kami tengah bersama dengan Nabi SAW, kemudian telah datang seorang lelaki musyrik yang rambutnya panjang dan tidak rapi sambil membawa seekor kambing. Nabi SAW bertanya kepadanya, ‘Apakah ini untuk dijual atau hadiah?’ Dia menjawab, ‘Tidak, ini hanya untuk dijual.’ Lalu Nabi SAW membeli kambing itu darinya.”*²⁸

Ibn Hajar al-Asqalani meriwayatkan bahawa Ibnu Batthal rahimahullah berkata;

*“Bermuamalat dengan orang kafir dibolehkan, selain menjual sesuatu yang dapat membantu orang-orang kafir/musuh untuk memudaratkan kaum muslimin.”*²⁹

²⁷ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Dar Ibn Kathir, 1987, j.3, no. 2756, hlm 1068.

²⁸ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bait al-Afkar al-Dauliyah, 1998, bab 99, no. 2216, hlm 413

²⁹ Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Ma`rifah, 1959, j.5, no. 48, hlm 693.

3) Athar

- a) عن سويد بن غفلة ، قال : بلغ عمر بن الخطاب أن عماله يأخذون الجزية من الخمر ، فنأشدهم ثلاثاً ، ففعل : إنهم ليفعلون ذلك ، قال : فلا تفعلوا ، ولوهم بيعها

*Maksudnya: Daripada Suwaid Ibn Ghafilah bahawa telah sampai khabar kepada Umar Ibn Khatab bahawa pekerjaanya mengutip jizyah dari arak, lantas menyeru mereka sebanyak tiga kali "Sesungguhnya mereka melakukannya?" Umar berkata "Jangan lakukan begitu tetapi mintalah mereka (ahli zimmah) menjualnya (arak)."*³⁰

Berhubungan athar di atas, Ibn Taimiyyah telah mengulas dengan mengatakan:

*"Saidina Umar memerintahkan agar mengambil dirham dari hasil jualan arak oleh ahli zimmah kerana mereka meyakini bahawa harta tersebut (arak) adalah halal menurut agama mereka."*³¹

- b) Beberapa peristiwa mengenai sahabat-sahabat Rasulullah SAW apabila diajukan soalan berkenaan dengan hukum bermuamalat dengan harta haram.

Ini dapat difahami dari fatwa Ibn Mas'ud dan Salman al-Farisi ketika ditanya tentang hukum menerima jemputan dan hadiah dari jiran yang merupakan pengamal riba', mereka membenarkan untuk menerima jemputan tersebut dengan alasan dosa akan ditanggung oleh pelaku riba.

- i- Fatwa Ibn Mas'ud ketika ditanya;

وجاء رجل إلى ابن مسعود فقال: "إن لي جاراً يأكل الربا وإنه لا يزال يدعوني"، فقال: "مهنؤك وإثمه عليه".

*Maksudnya: Telah datang seorang lelaki kepada Ibn Mas'ud dan bertanya kepadanya: ((Sesungguhnya aku berjiran dengan seorang pengamal riba dan dia asyik menjemputku menjamu hidangannya)). Lalu Ibn Mas'ud menjawab: ((Hidangan itu harus untuk kamu, dan dosanya ditanggung oleh dia (jiran tersebut))."*³²

- ii- Salman al-Farisi juga berpendapat bahawa kita boleh memenuhi jemputan dari pemilik harta haram dan dosanya ditanggung oleh pemilik tersebut.

³⁰ Abdul Razzaq al-San'ani, *Musannaf Abdul Razzaq*, Al-Maktab al-Islami, 1403H, no. 14853, j. 8, hlm 195.

³¹ Ibn Taimiyyah, *Al-Halal wa Al-Haram wa Ba'dh Qawaidiha fi al-Muamalat al-Maliyyah*, Darl al-Basya'ir al-Islamiyyah, 2005, hlm 21

³² Abdul Razzaq al-San'ani, *Musannaf Abdul Razzaq*, Al-Maktab al-Islami, 1403H, no. 14675, j.8, hlm 150

وقال سلمان الفارسي رضي الله عنه: "إذا كان لك صديق عامل، أو جار عامل، أو ذو قرابة عامل، فأهدى لك هدية أو دعاك إلى طعام، فاقبله، فإن مهناً لك وإثمه عليه"³³

c) Terdapat juga athar Tabi'in tentang keharusan mengambil harta mudarabah daripada orang bukan Muslim dan larangan menyumbang harta mudarabah kepada orang bukan Muslim.

حدثنا هشيم عن سليمان أبي محمد الناحي عن ابن سيرين قال ((لا تعط الذمي مالا مضاربة، وخذ منه مالا مضاربة، فإذا مررت بأصحاب صدقة فأعلمهم أنه مال ذمي)).

Diriwayatkan oleh Hashim ibn Sulaiman Abi Muhammad Al-Nahi daripada Ibn Sirin dengan berkata: ((Janganlah bagi kepada kafir zimmi harta mudarabah tetapi sebaliknya ambillah dari mereka (zimmi) harta mudarabah....))³⁴

d) حدثنا عبد الله بن أدريس عن هشام عن الحسن: أنه لم يكن يرى بأساً بشركة اليهودى والنصرانى، إن إذا كان المسلم هو الذي يلي الشراء والبيع.

Abdullah ibn Idris daripada Hisham daripada al-Hasan: Beliau berkata: Rasulullah SAW telah melarang (umat Islam) daripada berkongsi perniagaan dengan orang Yahudi dan Nasrani melainkan sekiranya urusan jual beli tersebut berada di bawah kawal selia orang Islam.³⁵

4) Kaedah Fiqhiyyah:

تبدل سبب الملك قائم مقام تبدل الذات

"Perpindahan disebabkan oleh pemilikan, memestikan perubahan pada ain"³⁶

Kaedah asal; perpindahan yang berlaku disebabkan oleh perubahan pemilikan, telah bertukar hak milik sekalipun ainnya tidak berubah.

Contohnya, dalam kes jamuan Barirah bekas hamba 'Aisyah yang menghidangkan daging kepada Rasulullah SAW. Apabila daging itu dihidangkan kepada Nabi S.A.W, lalu baginda diberitahu bahawa daging tersebut adalah sedekah kepada Barirah. Baginda menjawab: "Untuk

³³ Ibid, no. 14677, j.8, hlm 150

³⁴ Ibn Abi Syaibah, *Musannaf Ibn Abi Syaibah*, Maktabah ar- Rusyd, 2004, no. 20232, j.10, hlm 144

³⁵ Ibid, no. 20231, j.10, hlm 144

³⁶ Ali Haidar, *Durar al Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam*, Darul 'Alam al-Kutub, 2003, j.1, hlm 98

dia sedekah, untuk kita hadiah”³⁷. Maksudnya, daging itu disedekahkan kepada Barirah, kemudian Barirah menghadiahkannya kepada Nabi S.A.W. Jika ia disedekah kepada Nabi S.A.W, baginda tidak boleh memakannya. Walaupun asalnya ialah sedekah, tetapi baginda menerima dari Barirah atas dasar hadiah, maka hukumnya halal untuk baginda.

Dalam konteks institusi kewangan Islam, tidak dinafikan bahawa terdapat sumber daripada wang deposit yang datang daripada pekerjaan di syarikat judi, syarikat arak, syarikat riba dan seumpamanya. Ia adalah wang daripada pekerjaan yang haram daripada sudut Syariah, tetapi apabila duit tersebut bertukar milik seperti diserahkan kepada pihak bank bagi tujuan simpanan/pelaburan. Maka hukum kontrak-kontrak yang termeterai adalah halal kerana pemilikannya sudah bertukar tangan.

Dalam hal ini, kaedah diatas membawa maksud bahawa, sekalipun ain (wang) ialah yang sama, tetapi ia tetap berubah menjadi halal disebabkan pertukaran tangan.

Berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan, kedua-dua pandangan mempunyai hujah yang kuat dan jelas yang menyokong pandangan masing-masing. Pada masa yang sama, selain daripada dalil-dalil yang disebutkan sebelum ini, beberapa jawatankuasa Syariah IKI juga mengambil kira faktor masalah dan umum al balwa dalam membincangkan sejauhmana keharusan bagi IKI menerima dana daripada pendeposit atau pelabur daripada sumber yang haram.

8.0 JENIS-JENIS HARTA YANG HARAM

Para ulama’ membahagikan harta yang haram kepada dua kategori:³⁸

- i. Haram kerana ayn harta tersebut adalah haram (lizatihi). Contohnya mayat, najis, darah, daging babi dan sebagainya
- ii. Haram kerana sumber harta tersebut adalah haram (lighairihi). Contohnya harta daripada sumber transaksi riba, perniagaan arak atau judi. Begitu juga harta curi atau rampasan

Harta dalam kategori (i) terkeluar daripada perbincangan kerana pihak bank hanya menerima wang dalam transaksinya. Bagi harta kategori (ii) kami bahagikannya kepada kepada dua kategori seperti berikut:³⁹

- 1) **Harta/wang yang diperolehi daripada kaeaaah *Ightisab*; *Ightisab*** bermaksud rampasan atau mengambil hak orang dengan cara kekerasan yang tidak diredhai oleh pemilik hak berkenaan. Contohnya: melalui kegiatan rompakan, mencuri, khianat dan lain-lain lagi. Ia juga termasuk dalam konteks hak manusia sesama manusia (haqqul makhluq).

³⁷ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bait al-Afkar al-Dauliyah, 1998, bab 61, no. 1493, hlm 291 ; Muslim, *Sahih Muslim*, Dar al Fikr, 2003, bab 12, no. 2375, hlm 491.

³⁸ Al-Qurahdaghi, Ali Muhyiddin, , *Al-Muqaddimah fi Al-Mal wa Al-Iqtisad wa Al-Milkiah wa Al-Aqd*, Dar Basyair Islamiyyah hlm 34

³⁹ Dr. Sami Suwailam, diambil dari fatwa beliau didalam Laman Rasmi Wakaf Skandinavia, <http://ww2.wakf.com/arabweb/faq.nsf/ByUID/AF7C4E26687D1F8DC12575F7003145F9?OpenDocument>

- 2) **Harta/wang yang diperolehi daripada keadaan *Iktisab***; Iktisab di sini bermaksud pekerjaan ataupun perlakuan tertentu yang haram yang menyebabkan seseorang itu mendapat ganjaran atau bayaran. Bayaran itu diberikan dengan restu si pembayar tersebut. Contohnya: upah daripada aktiviti haram seperti pelacuran, penjualan dadah dan rasuah atau terhasil dari aqad yang dilarang seperti riba, gharar dan maisir. Kebanyakannya termasuk dalam konteks hak Allah terhadap hambanya (haqqullah).

Bagi perolehan harta haram secara ightisab yang dilakukan sama ada oleh orang Islam atau bukan Islam, para ulama' bersepakat mengenai kewajipan memulangkan semula harta yang diperolehinya kepada pemilik asal seperti yang dibahaskan dalam bab 'Ghasb' dalam hukum Muamalat.⁴⁰ Ini adalah kerana, pemilikan harta yang dirampas tetap berada pada pemilik asal dan bukan milik perampas atau perompak.

Dalam amalan perbankan pada hari ini, pihak IKI tidak boleh menerima dana daripada sumber ightisab kerana dibawah Anti Money Laundering and Terrorism Financing Act (AMLATFA 2011) berkaitan harta rampasan, curi dan penggubahan wang haram adalah item yang dilarang dalam akta tersebut.

Selain itu, secara logik tidak akan ada pendeposit atau pelabur yang secara sukarela mengisytiharkan bahawa wang yang diberikan adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti seperti yang telah dinyatakan.

Menurut Dr Sami Suwailem, para ulama' secara umumnya mempunyai dua sudut pandangan dalam memahami dalil-dalil yang berkaitan dengan hukum penerimaan harta haram.

Kedua-dua sudut pandangan tersebut adalah seperti berikut:⁴¹

1. Membezakan harta yang diperolehi oleh pengusaha (kasib) atas dasar keyakinan (I'tiqad) tentang keharusan atau pengharaman sumber tersebut.⁴²

Berdasarkan pandangan ini, kita dibenarkan bermuamalat dengan orang bukan Islam yang secara jelas hartanya diperolehi dari sumber yang haram. Ini adalah kerana perolehan itu adalah halal di sisi mereka. Hukum yang sama juga teraplikasi bagi seorang Muslim yang terlibat dengan riba ataupun pekerjaan haram dalam keadaan jahil dan menyangka bahawa ianya halal. Harta itu sah menjadi miliknya dan kita dibenarkan bermuamalat dengan harta tersebut. Ini selari dengan firman Allah SWT:

⁴⁰ Ibn Rushd, *Bidayatul al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, j.2, hlm 317; Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, j.5, hlm 139.

⁴¹ Dr. Sami Suwailem, diambil dari fatwa beliau didalam Laman Rasmi Wakaf Skandinavia, <http://ww2.wakf.com/arabweb/faq.nsf/ByUID/AF7C4E26687D1F8DC12575F7003145F9?OpenDocument>

⁴² Ibn Taimiyyah, *Majmuah Fatawa*, Dar al-Hadis dan Dar al-Wafa' di Kaherah, 2005, j.29, hlm 411-412

Barangsiapa mendapat peringatan dari TuhanNya, lalu dia berhenti, maka apa yang diperolehinya dahulu adalah menjadi miliknya dan segala urusannya kembali kepada Allah."⁴³

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT tidak memerintahkan kepada pengamal riba untuk memulangkan semula keuntungan yang diperolehinya apabila sampai peringatan tentang pengharaman riba.

2. Membezakan harta haram tersebut sama ada ia berkaitan dengan hak Allah (*haqqullah*) atau hak makhluk (*haqqul makhluk*).⁴⁴

Jika harta yang diperoleh itu melibatkan hak makhluk seperti harta rampasan, maka harta itu wajib dipulangkan kepada pemilik asalnya. Harta itu tidak boleh dimanfaatkan dan dilaburkan kepada pihak ketiga.

Pendapat ini disokong dari kisah Mughirah Ibn Syu'bah di mana Rasulullah SAW memerintahkannya agar mengembalikan semula harta yang telah diambil secara paksaan sebelum keislamannya.⁴⁵

Namun jika harta tersebut diperolehi dengan cara haram yang melibatkan hak Allah seperti hasil riba, judi dan upah dari perbuatan maksiat; hanya pengusaha tersebut berkewajipan untuk membersihkan hartanya tetapi ia tidak mengharamkan kita daripada mengambil manfaat dari harta tersebut. Pendapat ini jelas difahami dari pandangan Ibn Mas'ud ketika ditanya tentang hukum memenuhi jemputan dari jiran yang merupakan pengamal riba, beliau berkata:

مَهْنُوه لَكَ، وَإِثْمُهُ عَلَيْهِ

*Maksudnya: Hidangan itu harus untuk kamu, dan dosanya ditanggung oleh dia (jiran tersebut).*⁴⁶

Pendapat ini juga selaras dengan firman Allah S.W.T :

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

*Maksudnya: seseorang tidak akan menanggung dosa orang yang lain.*⁴⁷

⁴³ Surah Al-baqarah, ayat 275

⁴⁴ Dr. Sami Suwailem, diambil dari fatwa beliau didalam Laman Rasmi Wakaf Skandinavia, <http://ww2.wakf.com/arabweb/faq.nsf/ByUID/AF7C4E26687D1F8DC12575F7003145F9?OpenDocument>

⁴⁵ Sahih Bukhari : 2731

⁴⁶ Abdul Razzaq al-San`ani, *Musannaf Abdul Razzaq*, Al-Maktab al-Islami, 1403H, j. 8, no. 14677, hlm 150.

⁴⁷ Surah Al-Zumar, ayat 7

9.0 PENERIMAAN DANA DARIPADA SUMBER YANG HARAM: DI ANTARA MEMPERKEMBANGKAN AKTIVITI DAN ASET KEWANGAN ISLAM VS MERANCAKKAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG HARAM

Penerimaan dana daripada sumber tidak patuh Syariah mempunyai aspek positif dan negatif yang sewajarnya dipertimbangkan secara teliti.

9.1 Implikasi Positif

1. Sekiranya penerimaan deposit daripada sumber yang tidak patuh Syariah dibenarkan dalam praktis perbankan Islam, ia secara langsung boleh mengembangkan dana aset patuh Syariah dalam industri kewangan Islam dan membuka peluang untuk bersaing dengan industri kewangan konvensional.
2. Memberi peluang kepada syarikat yang tidak patuh Syariah untuk melabur aset yang dimilikinya dalam aktiviti patuh Syariah serta mengembangkan dana patuh Syariah.
3. Membantu proses penukaran aset syarikat daripada tidak patuh Syariah kepada patuh Syariah.

9.2 Implikasi Negatif

1. Memberi kesan dan impak yang buruk kepada reputasi industri kewangan Islam yang kelihatan seolah-olah tidak berbeza dengan konvensional kerana kedua-duanya menerima sumber yang haram.
2. Institusi kewangan Islam akan membantu kepada pengembangan perniagaan tidak patuh Syariah. Ini boleh dikategorikan dalam konsep membantu perbuatan dosa dan maksiat.

Selepas diteliti dan ditimbang secara menyeluruh, pada hemat penulis yang terbatas, masalah dan aspek positif untuk industri kewangan Islam lebih besar berbanding aspek yang sebaliknya. Ia juga membuka ruang yang luas kepada usaha *aslamat al muamalat* (pengislaman aktiviti komersil) bagi pelanggan IKI yang ingin mengembangkan aset kewangan Islamnya dan mengecilkan aset kewangan konvensional. Usaha ini tidak semestinya tercapai dalam jangka masa pendek kerana banyak faktor yang perlu dipertimbangkan. Selain itu, perlu diambil kira faktor umum al balwa dalam menyaring harta yang tidak halal sumbernya memandangkan sistem ekonomi secara keseluruhannya masih belum Islam.

10. Isu Reputasi IKI

Persoalan yang turut diperbincangkan oleh sebahagian jawatankuasa penasihat Syariah ialah isu reputasi IKI sekiranya menerima dana daripada syarikat tertentu yang mempunyai reputasi buruk di dalam masyarakat. Reputasi atau keyakinan umum terhadap IKI adalah suatu perkara yang sangat mustahak kerana tanpa keyakinan yang tinggi dari masyarakat awam terhadap pengamalan piawaian Syariah oleh pihak IKI, pihak IKI akan mengalami krisis imej dan reputasi yang sangat serius untuk mengembangkan perniagaan kewangan Islam pada hari ini. Walaubagaimanapun isu reputasi ini adalah sangat subjektif dan pihak jawatankuasa penasihat

Syariah dan juga pihak pengurusan tertinggi IKI harus meneliti maklum balas masyarakat secara dekat bagi memastikan isu-isu yang boleh menjejaskan reputasi ini dapat ditangani sebaik mungkin.

Justeru itulah, sebagai contohnya Jawatankuasa Penasihat Syariah Maybank Islamic menyenaraikan beberapa entiti dan perniagaan tidak patuh Syariah dalam senarai negatif (negative list) di mana pihak Maybank Islamic tidak dibenarkan untuk menerima deposit daripada entiti-entiti tersebut. Penyenaraian entiti-entiti tersebut mengambil kira pandangan masyarakat terhadap entiti-entiti tersebut dan kesan perniagaannya kepada masyarakat. Pendirian ini selari dengan pendirian Majlis Pengawasan Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang menjadikan aspek saringan kualitatif (qualitative screening) sebagai salah satu prosedur dalam menilai sama ada sesuatu saham yang diterbitkan di Bursa Malaysia sebagai saham patuh-Syariah atau sebaliknya.

11.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

1. IKI tidak dibenarkan menerima dana daripada sumber yang haram berpunca daripada amalan pencerobohan/rampasan (ightisab). Dalam konteks amalan perbankan pada hari ini, AMLA adalah peraturan yang sedia ada untuk mencegah penerimaan dana sebegini.
2. Bagi urusan dalam melakukan saringan sumber dana untuk setiap transaksi adalah sesuatu yang sangat sukar untuk dilaksanakan, maka pihak IKI boleh menerima dana daripada pihak pendeposit dan pelabur atas dasar setiap wang itu adalah halal.
3. Sekiranya terbukti wang tersebut daripada sumber yang haram (iktisab haram), maka pihak IKI masih boleh mempertimbangkan pandangan yang mengharuskan penerimaan dana tersebut berdasarkan perkiraan-perkiraan lain termasuk aspek umum al balwa dan masalah.
4. Walaupun dengan menerima dana tersebut juga menyebabkan pelabur/pendeposit mendapat dividen dan digunakan dalam perniagaan mereka yang tidak patuh Syariah, tetapi masalah yang diterima oleh IKI lebih besar di mana institusi tersebut dapat merencanakan lagi aktiviti pembiayaan dan pelaburan IKI.
5. Pihak IKI juga harus mengambil kira aspek reputasi dan pandangan umum masyarakat terhadap institusi kewangan Islam dalam menerima deposit ataupun pelaburan daripada entiti-entiti yang tidak patuh-Syariah.

BIBLIOGRAFI

- AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah* 2010, versi bahasa Arab
- AAOIFI, *Shariah Standards* 2010, versi bahasa inggeris
- Abdul Razzaq al-San`ani (1403H), *Musannaf Abdul Razzaq*, Al-Maktab al-Islami, j.8
- Abu Daud, (1999). *Sunan Abu Dawud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), Bahagian I Permulaan, Seksyen 2
- Al-Fatawa al-Syar`iyyah fi al-Masa`il al-Iqtisadiyyah*, (1979). Kuwait Finance House, bab *musyarakah*, fatwa no. 331, j.1.
- Al-Bukhari, (1998). *Sahih al-Bukhari*, Bait al-Afkar al-Dauliyah.
- Al-Bukhari, (1987). *Sahih al-Bukhari*, Dar Ibn Kathir.
- Al-Mardawi, *Al-Insaf*, Bait al-Afkar ad-Dauliyah, j.8
- Al-Muhasibi, (1987). *Al-Makasib wa al-Wara' wa al-Syubhah*, Mu'assasah al-Kutub al-Tsaqafiyyah.
- Al-Shirazi, (1996). *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafii*, j.3, Dar al-Qalam,
- Al-Syaukani, (1983). *Al-Sailu al-Jarar al-Mutadaffiq 'Ala Hadaiq al-Azhar*, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, j.3
- Al-Suyuthi, (1997). *Al-Asybah Wa An-Naza'ir fi Qawaid wa Furu' Fiqh as-Syafi`iyyah*, Maktabah Nazzar Al-Baz.
- Al-Qurahdaqi, Dr Ali Muhyiddin (2009), *Al-Muqaddimah Fi Al-Mal Wa Al-Iqtisad Wa Al-Mulkiah Wa Al-'Aqd*, Dar Al-Basyair Al-Islamiah
- Ali Haidar, (2003). *Durar al Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam*, Darul 'Alam al-Kutub.
- Ibn Abi Zaid Al-Qairawani, (1983). *Al-Jami` fi al-Sunan wa al Adab wa al Maghazi wal Tarikh*, Mu`assasah al-Risalah.
- Ibn Abi Syaibah, (2004). *Musannaf Ibn Abi Syaibah*, Maktabah ar- Rusyd.
- Ibn Hajar al-`Asqalani, (1959). *Fathul Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Shirkah, Dar al-Ma`rifah, j.5
- Ibn Nujaim, (2005). *Al-Asybah wa al-Nazair*, Darl al-Fikr.
- Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, v5
- Ibn Rajab al Hanbali, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Rajab al Hanbali, (2010) *Jami` Al-'Ulum Wa Al-Hikam*, Muassasah Al-Risalah Nashirun
- Ibn Rushd, (1995). *Bidayatul al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Dar as-Salam, j.2

Ibn Rushd, (1987). *Fatawa Ibn Rushd*, Dar al-Gharb al-Islami, j.1 Ibn Taimiyyah, (2005). *Al-Halal wa Al-Haram wa Ba'dh Qawaidiha fi al-Muamalat al-Maliyyah*, Darl al-Basya'ir al-Islamiyyah.

Ibn Taimiyyah, *Tafsir Ayat Ushkilat 'ala Kathirin Min Al-Ulama*, Pustaka Ar-Rusyd.

Ibn Taimiyyah, (2005). *Majmuah Fatawa*, Dar al-Hadis dan Dar al-Wafa' di Kaherah, j.29

Majmu'ah Dallah Barakah, (2010). *Qararat wa Tawsiyyat Nadawat al-Barakah li Iqtisod al-Islami*, Persidangan kali ke 9.

Muslim, (2003). *Sahih Muslim*, Dar al Fikr.

Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam edisi kedua, (2010), Bank Negara Malaysia.

<http://ww2.wakf.com/arabweb/faq.nsf/ByUID/AF7C4E26687D1F8DC12575F7003145F9?OpenDocument>